

Anwar ajak ibu bapa ubah sikap

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Masyarakat khususnya ibu bapa diminta bersikap terbuka terhadap sebarang perubahan atau pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan jika mahu falsafah pendidikan di negara ini tercapai sepenuhnya.

Menteri Pendidikan, Encik Anwar Ibrahim, berkata adalah tidak wajar ibu bapa melahirkan kebimbangan atau berkeluh-kesah apabila kerajaan melaksanakan sesuatu program atau kegiatan bagi meningkatkan mutu pendidikan di negara ini.

"Jika kita mahu anak-anak kita menjadi pelajar yang cemerlang dalam segenap aspek baik jasmani mahupun rohani, kita mesti sanggup menerima pembaharuan atau perubahan dengan hati yang terbuka.

"Tidak ada makna kita mengidam-idamkan kecemerlangan atau kejayaan anak-anak kita dalam bidang pendidikan tanpa melakukan sesuatu yang wajar untuknya," katanya di majlis Hadiah Bestari Muda Public Bank di sini, hari ini.

Encik Anwar berkata, sejarah membuktikan kecemerlangan bangsa atau negara maju seperti Jepun, Korea dan negara-negara Eropah kerana mereka sanggup bekerja keras dan mencari

jalan memperbaiki segala kelemahan.

"Mereka juga bercita-cita tinggi seperti kita, mahu cemerlang dalam pelbagai bidang atau kepakaran masing-masing. Tetapi cita-cita mereka itu disusuli dengan pelaksanaan atau sanggup menempuh segala perubahan dan pembaharuan.

"Tetapi di negara kita agak berbeza. Sebagai contoh ada pihak yang mempertikaikan atau bimbang apabila kita memendekkan masa cuti sekolah dan menyarankan anak-anak belajar lebih masa," katanya.

"Kebimbangan yang tidak bertempat itu hanya akan merugikan anak-anak kita. Kita mahu mereka bekerja keras atau tekun belajar dan menguasai pelbagai ilmu, baik bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, matematik, sains, ekonomi dan sejak akhir-akhir ini bidang komputer," katanya.

Bellau berkata, kementerian tidak akan bertolak ansur demi menjayakan falsafah pendidikan termasuk pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun ini.

"Demi menjayakan KBSM pada tahun ini kita terpaksa menambah masa belajar anak-anak kita. Walaupun saya banyak menerima 'surat cinta' daripada kalangan ibu bapa, saya yakin lambat laun mereka akan menyedari juga hakikat ini," katanya.